

30/07/2000

Pasukan keselamatan perlu jaga senjata

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memberi amaran kepada anggota keselamatan supaya lebih bertanggungjawab menjaga dengan selamat harta benda kerajaan terutama senjata api.

Perdana Menteri berkata, ini perlu agar senjata itu tidak terlepas ke tangan orang yang tidak diinginkan seperti insiden lelaki melarikan kereta peronda polis bersama selaras sub-mesingan di Taman Sri Gombak dekat sini Khamis lalu dan peristiwa Sauk di Perak, awal bulan ini.

"Saya rasa banyak orang tak ambil berat tentang ini. Kita dah bagi arahan supaya berjaga-jaga dengan senjata yang ada dalam jagaan kita...(tetapi) nampak seolah-olah mereka tidak begitu mengambil berat, tinggal senjata dalam kereta, tak ada orang jaga.

"Kalau bawa senjata pun, kita tahu kadang-kadang orang boleh rampas senjata kita walaupun kita pegang. Ini saya fikir eloklah kalau masing-masing bertanggungjawab sikit dan memberi arahan yang tepat berkenaan dengan perkara ini," katanya dalam sidang akhbar selepas menghadiri Perhimpunan Perpaduan sempena Hari Pekerja di Stadium Putra Bukit Jalil dekat sini semalam.

Dr Mahathir berkata, arahan untuk mengawasi senjata dan menjaganya dengan sebaik mungkin sudah dikeluarkan sebelum ini.

Khamis lalu, sebuah kereta peronda polis yang meronda di Jalan Sungai Tua, Kampung Nakhoda, dekat sini, terserempak dengan dua lelaki yang menaiki sebuah motosikal dalam keadaan mencurigakan.

Polis berkenaan mengarahkan lelaki terbabit berhenti, tetapi mereka tidak menghiraukannya. Berikutan itu, polis menghimpit motosikal itu menyebabkan penunggang dan pemboncengnya terjatuh.

Seorang daripada lelaki itu ditahan dan dimasukkan ke tempat duduk belakang kereta peronda, manakala anggota polis mengejar seorang lagi yang melarikan diri.

Lelaki itu yang tidak digari, bertindak nekad melarikan kereta peronda berkenaan dan menuju Taman Sri Gombak sebelum merompak seorang mangsa di taman itu. Selepas itu, dia meninggalkan kereta peronda berkenaan di depan rumah mangsanya dan melarikan diri ke kawasan bukit berhampiran.

Dua anggota polis berpangkat lans koperal dari Ibu Pejabat Polis Daerah Gombak, yang senjata mereka dilarikan perompak itu, digantung kerja berkuatkuasa serta merta kerana didakwa cuai.

Sementara itu, pada 2 Julai lalu Kumpulan Al-Ma'unah yang diketuai Mohd Amin Mohd Razali melarikan senjata dari dua kem tentera di Grik, Perak dan mereka membunuh dua anggota keselamatan sebelum menyerah diri.

(END)